

AL-SYARH AL-FURQAN FI MA'AN KHUSUS
AL-FURQAN AL-KUR'AN AL-KARIM
BY AL-SYARH AL-KHAYR

DR. ABU AL-KHAYR AL-KHAYR
SERIAL NO : 6 5113
ISS : 1991 - 1994

LIBRARY OF THE ADMINISTRATION
OF THE JUDICIARY
KUALA LUMPUR MALAYSIA



UNIVERSITY LIBRARY	
CODE NO: G/FT	LOCATION: U
DATE RECEIVED: 6/9/72	
ACC. NO: 128821	
CALL NO:	

DIPLOMA IN-LAW AND ADMINISTRATION
OF ISLAMIC JUDICIARY

KERTAS PROJEK

BERTAJUK

AL TA'ZIR DENGAN KAJIAN KHUSUS
KANUN JENAYAH KESALAHAN
SYARIAH MALAYSIA

OLEH

HJ. ABDUL KARIM BIN YUSOF

MATRIC NO: G. 911139

SISI: 1991-1992

PENDAHULUAN

Alhamdulillah syukur saya kepada Allah s.w.t. di mana dengan rahmatnya saya telah dapat menyiapkan satu kertas Projek yang telah di syaratkan kepada saya untuk mendapatkan kelulusan di dalam Kursus Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman (Diploma In Law And Administration Of Islamic Judiciary) di University Islam Antarabangsa Petaling Jaya Kuala Lumpur sisi 1991-1992.

Kertas ini saya bahagikan kepada empat bab. Tiap-tiap bab adalah penting untuk kita mengetahui apakah yang sebenarnya hukuman ta'zir yang menjadi amalan pengamal undang-undang di negara kita ini dan perbezaannya dengan hukuman lain seperti hudud, qisas, kafarah, diat, arsy, dan lain-lain lagi.

Isi kandungan kertas ini saya ambil daripada kitab-kitab yang masyhor dalam mazhab Syafiee, dan pendapat Imam-Imam lain. Juga tidak di tinggalkan tulisan-tulisan daripada para penulis di kalangan ulamak-ulamak kita yang saya tidak ragui kebenarannya dan kini saya jadikan hak penulisan saya.

Sekian, terima kasih.

Hj. Abul Karim Yusof.

ISI KANDUNGAN

BAB PERTAMA

<u>Tanjuk</u>	<u>Halaman</u>
1. Ta'rif ...	1
2. Pensyariatan Ta'zir ...	3
3. Hikmat Di syariatkan Ta'zir ...	5
4. Syarat Wajib Ta'zir ...	8

BAB KEDUA

1. Perbezaan Di antara Hudud, Qisas, Diat, Arsy, Kafarah dan Ta'zir.	
Humukan Hudud ...	15
Hukuman Qisas ...	17
Hukuman Diat ...	27
Hukuman Kafarah ...	29
Hukuman Arsy ...	31
Hukuman Ta'zir ...	32
2. Jenis-Jenis Kesalahan Hudud Dan Perlaksanaan Hukum	
i) Mencuri ...	35

<u>Tajuk</u>		<u>Halaman</u>
ii) Menyamun Atau Merompak	...	52
iii) Zina	...	62
iv) Menuduh Melakukan Zina	...	70
v) Minum Arak	...	77
vi) Murtad	...	80
3. Jenis-Jenis Kesalahan Qisas, Diat Arsy Dan Perlaksanaan Hukuman.		
Qisas	...	84
Diat	...	85
Arsy	...	92
4. Jenis-Jenis Kesalahan Ta'zir Dan Perlaksanaan Hukuman.	...	95
i) Riddah	...	96
ii) Minum Arak	...	99
iii) Baghyi	...	100
iv) Meninggalkan Perkara Wajib.	...	105
v) Mencuri Kali Ke 5	...	105
vi) Mendatangi Binatang	...	106

<u>Tajuk</u>		<u>Halaman</u>
vii) Menceroboh Hak-Hak Manusia.		
a) Riba'	...	107
b) Saksi Palsu	...	109
c) Pecah Amanah	...	110
d) Rasuah	...	110
e) Menghina Orang Lain dan Mengumpat	...	111

BAB KETIGA

Bentuk Hukuman Ta'zir Secara Keseluruhan

i) Nasihat	...	113
ii) Teguran	...	113
iii) Ancaman	...	114
iv) Pemulauwan	...	115
v) Peristiharaan Umum	...	115
vi) Denda Dan Merampas Harta	...	117
vii) Penjara	...	117
viii)Sebat	...	118
ix) Bunuh	...	119

BAB KEEMPAT

<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
Kanun Jenayah Kesalahan Syariah Yang Di laksanakan Di Malaysia (kajian)	
1. Pengertian jenayah menurut Islam	... 122
2. Bidang kuasa mahkamah syariah dalam perkara jenayah	... 125
3. Kecualian am dan hak mempertahankan diri	... 129
Gila atau tidak sempurna akal	... 131
Terpaksa atau silap fakta.	... 134
Perbuatan tanpa niat jenayah dan bagi menahan kerosakan lain...	136
Perbuatan kanak-kanak.	... 138
Perbuatan Hakim yang bertindak secara kehakiman.	... 139
Mempertahankan diri.	140
4. Jenis-Jenis Kesalahan Yang Boleh Di Bicarakan Di Mahkamah Syariah	... 148

BAB PERTAMA

1) TA'RIF

Makna ta'zir diertikan dari segi bahasa menggonggokan dan membantu seperti firman Allah s.w.t. bermaksud supaya kamu sekalian beriman kepada Allah dan Rasulnya dan menguatkan ugamanya.

(Alfath ayat 9).

تحذروه dalam ayat ini bermakna menggonggokannya dan menolongnya. Ta'zir dalam bahasa Arab diertikan juga sebagai penghinaan seperti . Zaid telah melakukan penghinaan kepada polan dengan tujuan memberi peringatan dan pengajaran kepada polan itu atas dosa yang telah dilakukannya, ini membawa maksud memberikan pengajaran. Boleh juga di maksudkan menegah(1).

Ada pun ta'rif ta'zir dari segi syarak ialah hukuman yang di kenakan ke atas pelaku-pelaku kesalahan dalam perkara-perkara yang hukumannya tidak ditentukan oleh syarak seperti hukum Hudud, Qisas dan Kafarah dan juga pada kesalahan-kesalahan yang ditetapkan hukumannya tetapi perbuatan kesalahan itu tidak sempurna untuk membawa kepada hukuman yang telah ditetapkan, dalam hal ini boleh

dita'zirkan.

Di antara kesalahan-kesalahan yang boleh dita'zirkan ialah seperti khalwat, saksi palsu, menipu, memanggil seseorang dengan perkataan yang hina seperti "hai! kafir, "hai! fasik dan sebagainya. Mencuri yang tidak sampai kepada kadar yang boleh membawa hukuman had, meninggalkan kewajipan terhadap Allah dan orang-orang yang di bawah tanggungan dan lain-lain kesalahan yang tidak ditentukan hukumannya oleh syarak(2) dan akan dijelaskan InsyAllah apabila sampai di dalam babnya nanti.


Dapat difaham bahawa daripada sekecil-kecil kesalahan sehingga sebesar-besar kesalahan boleh di hukum dengan hukuman ta'zir atau tambahan kepada hukuman yang di sediakan, dalam kitab Qalyubi ada mengatakan antara lainnya:-

"Hendaklah di kenakan hukuman ta'zir ke atas orang (Islam) yang menyertai orang-orang kafir di dalam perayaan mereka"(3).

-
- 1 Fikh Islam Wadilatulhu, Wahbah Zuhaili Jz. 6 mk. 197.
 - 2) Qalyubi Wa Umairah juzuk empat halaman 205 cetakan Mesir Isa Albahi Al Halabi Wa Syurukah.
 - 3) Ibid halaman 205.

Seseorang itu boleh di kenakan ta'zir di samping ianya di kenakan had dan kafarah seperti apabila ia melakukan zina di bulan Ramadhan di dalam masjid, ini bermakna kesalahan zina di kenakan had, di bulan Ramadhan di kenakan kafarah, melakukan di dalam masjid di kenakan ta'zir sebab menghina masjid.

2) PENSYARIATAN TA'ZIR

Mula di syariatkan hukuman ta'zir adalah apa yang di riwayatkan oleh Abu Daud At Turmizi, Al Nasai dan Al Baihaqi dari Baz Ibnu Hakim dari ayahnya dan datuknya bahawa Nabi s.w.a. telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap orang yang tertuduh tetapi penjara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ini adalah penjara () sehingga perkaranya menjadi jelas.

Begitu juga Syadina Omar Al Khatab telah menyediakan penjara dan diikuti oleh Syadina Othman dan Syadina Ali r.w.hum(4).

4) Fikh Islam Wa adilatuhu Wahbah Zuhaili
Jz.6 mk. 198 Darul Fikri Bairut.

Sebuah hadith dari Hani Ibnu Nyeer bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah

s.a.w. bersabda bermaksud janganlah kamu melakukan pemukulan lebih dari 10 kali kecuali dalam melaksanakan hukuman had yang telah mendapat restu daripada Allah s.w.t.

Telah ditetapkan oleh ulamak bahawa Halifah Omar Ibu Khatab r.a. telah melakukan hukuman ta'zir seperti mencukur botak kepala seseorang, mengasingkan dan memukul, begitu juga beliau ada membakar warong-warong penjual arak, membakar rumah yang di dalamnya menjual arak dan membakar gedong Saad Ibu Waqqash di Kufah kerana dia selalu menutupnya tidak membenarkan orang ramai memasukkinya. Beliau juga ada membuat alat pemukul khusus untuk memukul orang yang berhak mendapat hukuman rotan, dan beliau ada memukul wanita yang menanggisi kematian keluarganya sehingga rambutnya nampak oleh orang ramai.

Para ulamak dalam mazhab selain Syafiee mengatakan hukuman ta'zir itu wajib dilaksanakan iaitu apabila ianya telah dikanunkan menjadi satu undang-undang negara.

Ada pun Imam Syafiee mengatakan Al Ta'zir tidak wajib(5).

3) HIKMAT DISYARIATKAN TA'ZIR

Islam mensyariatkan hukuman ta'zir sebagai tindakan yang perlu diambil oleh pemerintah terhadap orang-orang yang melakukan maksiat atau orang-orang yang telah keluar daripada garisan-garisan undang-undang yang telah di buat oleh pemerintah yang tidak bertentangan dengan syarak bagi tujuan untuk memakmurkan masyarakat dan membersihkan daripada perkara-perkara mungkar.

Firman Allah s.a.t. yang bermaksud:-

"Kamu diperintah untuk melakukan kebaikan dan menegah kemungkaran".

5) Fikh Sunnah Jz. 2 halaman 498 Said Sabiq Darul Fikri Bairut 1977-1397H.

Ayat ini jelas kepada kita bahawa orang yang telah di berikuasa oleh rakyat seperti pemerintah di kehendaki melaksanakan perintah Allah, ini bagi tujuan memakmurkan dunia dari segala keburukan dan kemungkaran supaya mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Firman Allah yang berbunyi:-

بِلَادَةٍ طَيِّبَةٍ وَرَبِّ عَفُورٍ

Bermaksud negeri yang aman makmur, mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Hukuman ta'zir berbeza dengan hukuman had dalam tiga keadaan:-

- i) Perlaksanaan hukuman had tanpa pandang bulu tetapi hukuman ta'zir berbeza sesuai dengan keadaan masing-masing. Bilamana orang terhormat (menjaga kedudukan) melakukan kesalahan, maka bolehlah ianya dimaafkan dari kesalahannya dan saandainya di hukum hendaklah hukuman tersebut lebih ringan dari hukuman yang di kenakan kepada orang lain dalam kes yang sama yang mana orang tersebut lebih rendah kemuliaannya dan kedudukannya di bandingkan dengan dia di sisi Allah s.w.t.


Imam Ahmad, Abu Daud, An Nasai dan Al Baihaqi mengriwayatkan bahawa Rasulullah s.w.a. pernah bersabda bermaksud maafkanlah kesalahan-kesalahan orang yang terhormat daripada kamu sekalian kecuali dalam masaalah hudud.

Ertinya bilamana ada seseorang lelaki yang tidak diketahui pernah melakukan maksiat, terjerumus melakukan maksiat atau belum pernah melakukan dosa-dosa kecil atau dia terkenal dengan ketaatan kepada Allah s.w.t. dan dosa kecil yang dilakukannya sekarang adalah yang pertama kali dilakukan maka janganlah kamu menghukumnya, tetapi bila keadaan memaksa kamu menghukumnya, hendaklah di hukum dengan yang lebih ringan sahaja.

- ii) Dalam kes-kes ta'zir diharuskan mendapatkan safa'at dan keampunan bahkan sunat memaafkan, tetapi dalam kes-kes had tidak dibenarkan mendapat safa'at dan keampunan kalau kesnya telah sampai ke pengetahuan hakim.
- iii) Sesungguhnya orang yang mati akibat hukuman ta'zir orang yang melaksanakannya hendaklah bertanggungjawab atas kematiannya.

Pernah terjadi Khalifah Omar r.w. menakut-menakutkan seseorang wanita sehingga wanita tersebut mengalami keguguran di sebabkan terlalu takut, akhirnya Saidina Omar r.a. menanggung diat janinnya.

Di katakan bahawa diat itu wajib atas baitul mal dan dikatakan juga diat di bebaskan atas akilah orang yang melaksanakan hukuman.

Ini adalah pendapat yang Al Ashah () daripada Ashab Al Safaai tetapi Imam Abu Hanifah dan Imam Malik tidak mengenakan diat dan mengatakan bahawa dalam kes ini tidak ada ganti rugi dan tidak ada apa-apa sebab pelaksanaan ta'zir dan had sama sahaja(6).

4) SYARAT WAJIB TA'ZIR

Hukum ta'zir sepenuhnya adalah di tangan hakim atau pemerintah sebab beliaulah yang

6) Ibid halaman 499. Mughni Muhtag jz. 4 halaman 191 Maktabah Tijariah Mesir t.t.

memegang tampok pemerintahan kaum muslimin. Ini bermakna tidak di benarkan sama sekali hukuman ta'zir di lakukan oleh selain pemerintah sebab mungkin akan berlaku fitnah.

Dalam kitab Subulusalam ada mengatakan:-

Hukuman ta'zir tidak di bolehkan selain dari Imam (yang memerintah) kecuali dari tiga orang yang berikut ini:-

- i) Bapa - Beliau boleh menjatuhkan hukuman ta'zir kepada anaknya yang masih kecil bagi tujuan mendidiknya dan mencegah dari melakukan akhlak yang buruk. Menurut pendapat yang kuat, ibu pun boleh berbuat serupa dengan bapa selagi anak masih dalam asuhannya, dan memerintahkan anaknya supaya melakukan solat, jika anak membangkang atau enggan solat, ibu boleh memukulnya. Penulis berpendapat hendaklah tidak melampaui batas sebagaimana berlaku sekarang yang dilaporkan di dalam kebanyakan akhbar sehingga menyeret ibu ke mahkamah. Bapa tidak berhak menta'zir anak yang sudah baligh, sekalipun anak itu termasuk dalam golongan anak yang bodoh.

- ii) Majikan - Majikan boleh menta'zir pekerjaanya baik yang bersangkutan dengan hak dirinya atau yang bersangkutan dengan hak Allah s.w.t. demikianlah menurut pendapat yang syahih.
- iii) Suami - Suami boleh menta'zir isterinya dalam masaalah nusuz tetapi hendaklah mengikut yang di jelaskan oleh Al-Quraan dalam surah An Nisa' ayat 34 yang bermaksud:-

Perempuan-perempuan yang durhaka kepada mu hendaklah kamu beri nasihat kepadanya dan kamu tinggalkanlah ia di tempat tidurnya degan sendirian dan boleh kamu pukul akan dia, jika dia durhaka kepada mu (tetapi dengan pukulan yang tidak sampai menyakiti badannya). Jika perempuan itu telah taat kepada mu, janganlah pula kamu mencari jalan untuk menganiayanya. Sesungguhnya Allah maha tinggi lagi maha besar.

Adakah suami berhak memukul isterinya terhadap kes meninggalkan solat dan kewajipan-kewajipan lainnya.

Menurut pendapat yang kuat, suami boleh melakukan hal itu bila ternyata isteri tidak mahu mengikut perintah suami untuk melakukan solat sebab ini termasuk mengingkari barang yang mungkar.

Sedangkan suami adalah termasuk salah satu di antara orang yang terkena taklif untuk melakukan pengingkiran baik dengan tangan, lisan, atau dengan hati. Ada pun ta'zir di sini dalam perkara meninggalkan solat, dan lain kewajipan yang telah ditentukan oleh syarak, bukanlah kepada perkara yang tidak di perintahkan oleh syarak.

Begitu juga guru boleh menta'zir murid-muridnya bagi tujuan mendidik.

Bapa tidak boleh di kenakan hukuman ta'zir daripada pemerintah apabila ia menta'zir anaknya bagi tujuan mendidik anak tersebut supaya taat kepada Allah dan Rasulnya. Begitu juga dengan suami dalam mendidik isterinya. Hakim juga tidak di pertanggungjawabkan apabila mendidik yang di hukum tetapi dengan syarat hakim tidak melakukan hukuman yang berlebihan daripada hukuman yang di sediakan oleh pemerintah. Bilamana hakim bertindak berlebihan, maka hakim tergulung daripada orang yang bersifat aniaya. Untuk itu hakim hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa yang telah dirosakkannya(7) sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini iaitu apa yang telah dilakukan oleh Syadina Omar ke atas wanita yang sedang hamil lalu gugur kandungan itu.

(7) Ibid halaman 499.

Syekh Muhammad Sarbini Khatib dalam kitabnya Mughni Muhtaj ada memberikan pengecualian daripada di kenakan ta'zir sebagaimana berikut:-

- i) Apa-apa yang berasal dari Allah, yang berupa dosa kecil, maka pelakunya tidak di kenakan hukuman ta'zir sebagaimana yang di kemukakan oleh Ibnu Abdul Salam berdasarkan kepada hadith Aishah yang diriwayatkan oleh Abu Daud:-

اقبلوا ذوى الرهثات عنكم الا حذور

Bermaksud berilah keringanan kepada orang yang berdosa kecil kecuali hukuman hudud.

- ii) Apabila seseorang memotong anggota badannya sendiri.
- iii) Apabila seseorang melakukan hubungan sex dari belakang dengan isterinya atau hambanya, maka ianya tidak di kenakan hukuman ta'zir pada kali yang pertama, tetapi hendaklah di tegah daripada mengulanginya dan apabila ia mengulanginya ia di kenakan hukuman ta'zir sebagaimana yang terdapat dalam Al Mukhthar dan sesuai dengan pendirian

Al Baghwi dan lainnya.

- iv) Bapa tidak di kenakan ta'zir terhadap kesalahan yang di lakukan kepada anaknya begitu juga tidak di had kalau menuduh anaknya berzina.
- v) Jika seseorang melihat seseorang sedang melakukan zina dengan isterinya, dan orang itu muhsin, dan ia membunuh orang itu pada ketika itu juga, maka tidak di kenakan baginya hukuman ta'zir sekali pun luput dari syarat ini, Imam hendaklah membebaskannya, demikianlah yang diriwayatkan oleh Ibnu Rafah dari Abi Daud.
- vi) Apabila seseorang anggota kampung masuk ketempat pemanasan air yang di panaskan oleh Imam, untuk orang-orang yang lemah maka orang kampung itu tidak di kenakan hukuman ta'zir.
- vii) Jika seseorang murtad, dan kemudian Islam kembali ia tidak di kenakan hukuman ta'zir untuk pertama kalinya.
- viii) Jika pemilik hamba memberati hambanya kepada pekerjaan yang tidak terdaya olehnya melakukannya walaupun haram hukumnya, tetapi pemilik tersebut tidak

di kenakan ta'zir untuk pertama kali tetapi hendaklah di katakan kepadanya jangan ulangi perbuatan itu.

- xix) Jika isteri menuntut nafkah waktu terbit fajar, maka tidak boleh di hukum ta'zir pada isteri itu.
- x) Jika berpaling pemberontak dengan mencerca Imam, mereka itu tidak di kenakan hukuman ta'zir(9).

Dengan ini jelas kepada kita bahawa ta'zir hanya boleh di lakukan oleh pemerintah dengan syarat-syarat yang telah di sebutkan tadi.

9) Mughni Muhtaj jz. 4 halaman 191 - 192
Muhammad Sarbini Khatib.

BAB KEDUA

- 1) PERBEZAAN DI ANTARA HUDUD, QISAS, DIAT, ARSY, KAFARAH DAN TA'ZIR.

Hukuman Hudud

Jenayah hudud adalah kesalahan-kesalahan yang telah di tetapkan hukumannya oleh syarak yang wajib di laksanakan sebagai menunaikan hak Allah. Kadar hukuman yang berkaitan dengan hudud tidak boleh di pinda samaada di tambah atau di kurangkan, demikian juga apa saja kesalahan hudud apabila telah di lapurkan kepada kadi atau hakim, maka tidak ada seorang manusia atau suatu kuasa pun yang boleh memaafkan orang yang di dapati bersalah. Di riwayatkan bahawa Safuan bin Umayyah mengadu kepada Rasulullah s.w.a. bahawanya telah di curi orang ketika ia sedang tidor di mesjid. Rasulullah s.a.w. telah menjatuhkan hukuman agar yang mencuri itu di potong tangannya, dengan keputusan tersebut, Safuan pun berkata "aku tidak mengkehendaki ini (hukuman potongan tangan terhadap yang mencuri barangnya itu) wahai! Rasulullah s.a.w. Dengan ini ianya aku sedekahkan kepadanya. Lalu Rasulullah bersabda

(yang bermaksud) kenapa tidak sebelum kamu datang kepada ku".

Berdasarkan hadith ini ulamak berpendapat bahawa Sesuatu kes hudud itu apabila telah diputuskan oleh mahkamah, maka ianya tidak boleh di berikan keampunan (kemaafan) lagi. Di dalam kes ini adalah jelas bahawa keampunan boleh di berikan di dalam kes curi kepada orang yang mencuri oleh tuan yang memiliki harta itu jika ianya bersedia menghalalkannya sebelum kes itu di dengar oleh hakim(10).

Hudud ini juga boleh gugur dengan taubat, tetapi dengan syarat di kembalikan harta itu kepada tuannya, demikian pengecualian yang di berikan oleh Al Kasani dan Al Badaiq. Begitu juga dengan jenayah (قطر الطريق) apabila ia bertaubat sebelum ia dapat di tangkap oleh pemerintah gugur hudud daripadanya sesuai dengan ayat Al-Quraan surah Al Maidah ayat 34 bermaksud "kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu berkuasa menjatuhkan hukuman ke atas mereka ketahuilah bahawa

10) Jurnal Hukum jilid 7 bahagian 2 halaman 144.

Sanya Allah itu maha pengampun lagi maha pengasih.

Mengenai jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman hudud ada pendapat yang mengatakan bahawa ia adalah mengenai tujuh perkara iaitu mencuri, merompak, berzina, qazaf, murtad, minum arak dan bughah.

Ada yang mengatakan lima perkara iaitu perkara-perkara yang tersebut di atas melainkan minum arak dan murtad, dan ada yang mengatakan empat perkara sahaja iaitu mencuri, merompak atau menyamun, berzina dan menuduh orang melakukan zina tanpa membawa saksi atau di namakan sebagai qazaf(11).

Hukuman Qisas

Qisas ialah suatu pembalasan yang di jatuhkan ke atas penjenayah yang sama seperti tindakan jenayah yang di lakukan terhadap mangsanya.

11) Sistem-sistem Islam oleh Abu Urwah cetakan pertama 1989 Pustaka Salam KL muka surat 146 - 147.